

# Facebook perkukuh jalur lebar di Malaysia

> Program perintis, Terragraph diteruskan di Cyberjaya tahun ini

Oleh Alzahrin Alias dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhbiz@bh.com.my

Facebook komited untuk memperkasakan sambungan jalur lebar di negara ini dengan meneruskan program perintis berskala besar, Terragraph di Cyberjaya tahun ini.

Pengarah Negara Facebook Malaysia, Nicole Tan, berkata program perintis yang bermula di Georgetown itu menunjukkan kejayaan dan maklum balas positif daripada pengguna individu serta perniagaan.

Justeru, beliau berkata Facebook akan berkerjasama dengan syarikat


tempat-tempat yang terbabit dalam sektor telekomunikasi untuk menjalankan program itu di Cyberjaya.

“Kami akan bekerjasama dengan syarikat yang terbabit dalam industri telekomunikasi tempatan dan ia akan bermula tahun ini.

## Seluruh negara

“Selepas kejayaan di Georgetown dan bakal bermula di Cyberjaya, Facebook tidak menolak kemungkinan untuk meneruskan program Terragraph di seluruh negara,” katanya selepas pelancaran pejabat Facebook di Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.



Tun Dr Mahathir ketika merasmikan pejabat Facebook di Q Sentral 2, semalam. Turut hadir, Gobind Singh, Al-Ishsal (kiri), Neary (kanan) dan Nicole Tan.

Turut hadir ialah Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Al-Ishsal Ishak dan Naib Presiden Facebook Asia Pasifik, Dan Neary.

Terragraph adalah program perintis berskala besar pertama di Asia.

Ia sejajar dengan usaha kerajaan untuk melabur dan memajukan infrastruktur digital negara, bagi memastikan akses jalur lebar kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Terragraph memberikan sambungan jalur lebar yang boleh dipercayai, harga berpatutan dan berkelajuan tinggi untuk

bandar raya itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) digesa mengambil peluang inisiatif yang disediakan penyedia platform media sosial seperti Facebook dalam memperluaskan perniagaan mereka secara dalam talian dan menembusi pasaran global.

Katanya, PKS adalah sektor penting dalam meningkatkan ekonomi negara dan melalui peluang teknologi yang disediakan, ia dapat memastikan perniagaan menjadi lebih berkesan, sekali gus akan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran serta lonjakan gaji minimum.

## Daya tarikan

“Bagi PKS, ia boleh menjadi daya tarikan memiliki beribu-ribu kenalan di Facebook yang sekali gus akan membawa kepada lonjakan trafik ke tapak laman web atau lokasi runcit.

“Kerajaan juga sentiasa menggalakkan dan memberi insentif kepada pelaburan serta kerjasama dalam menjadikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan dan komunikasi digital, selain menggalakkan syarikat Malaysia meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang ini dengan bekerjasama dengan firma multinasional dalam usaha kita menjadi juara serantau atau global,” katanya.